

## Terma dan Syarat Tempahan Khas (Tempahan Rombongan)

### 1. Permohonan Tempahan Khas (Tempahan Rombongan)

- 1.1 Pemohon mesti mendaftar akaun KITS di laman sesawang KTMB ([www.ktmb.com.my](http://www.ktmb.com.my))
- 1.2 Pemohon mesti lengkapkan borang tempahan khas.
- 1.3 Borang permohonan mesti dihantar sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tarikh perjalanan.
- 1.4 Tempahan khas untuk perkhidmatan tren ETS dan KTM Intercity sahaja.
- 1.5 Tempahan khas tidak dibenarkan untuk perkhidmatan tren Shuttle Tebrau atau tren khas.
- 1.6 Jumlah minima 9 tiket dan maksima 80 tiket bagi setiap tren.
- 1.7 Tempahan khas tiket konsesi untuk penumpang yang telah diluluskan pendaftaran konsesi sahaja.
- 1.8 Caj pentadbiran
  - a) RM1.00 per tiket
  - b) Bayaran melalui KTM Wallet.
  - c) Tiada pemulangan caj pentadbiran atas apa juga sebab.
  - d) Tertakluk kepada pindaan tanpa notis awal.
- 1.9 KTMB tidak akan bertanggungjawab jika berlaku gangguan sistem atau lain-lain yang menyebabkan;
  - a) KTMB tidak menerima borang permohonan tempahan yang dihantar melalui emel, atau
  - b) KTMB tidak menerima butiran tempahan melalui KITS online, atau
  - c) Tempahan yang berjaya telah dibatalkan secara automatik.
- 1.10 Tempahan tidak dibenarkan untuk perjalanan semasa musim perayaan.
- 1.11 KTMB berhak untuk menolak tempahan yang tidak mematuhi terma dan syarat.
- 1.12 Pindaan tidak dibenarkan untuk tempahan yang telah diluluskan, seperti jumlah tiket, tarikh perjalanan, stesen origin dan destinasi atau jenis tiket dewasa, kanak-kanak atau konsesi.

### 2. Prosedur Tempahan

- 2.1 Pemohon menyerahkan borang tempahan khas kepada KTMB,
  - a) Emel ke [tempahankhas@ktmb.com.my](mailto:tempahankhas@ktmb.com.my), atau
  - b) Jabatan Perkhidmatan Antarabandar, KTM Berhad, KL Sentral.
- 2.2 KTMB akan mengaktifkan akaun KITS pemohon jika mematuhi syarat permohonan.
- 2.3 Pemohon login akaun KITS di laman web KTMB dan masukkan butiran tempahan.
- 2.4 Tempahan tempat duduk / tidur oleh KTMB tertakluk kepada kekosongan.
- 2.5 Pemohon menerima emel notifikasi "*KITS Special Booking – Pending Payment*", jika tempahan diluluskan.
- 2.6 Pemohon login akaun KITS untuk bayaran tambang tiket.
- 2.7 Pemohon mesti memastikan butiran penumpang adalah betul sebelum membuat bayaran.

### 3. Bayaran Tambang Tiket

- 3.1 Bayaran tambang tiket mesti dibuat dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh emel notifikasi diterima.
- 3.2 Waktu bayaran dari jam 12.15 pagi hingga 11.00 malam melalui KTM Wallet.
- 3.3 Pastikan baki KTM Wallet mencukupi sebelum membuat bayaran tambang tiket.
- 3.4 KTMB tidak bertanggungjawab jika tempahan tiket terbatal disebabkan kesilapan pemohon semasa bayaran tambang.

### 4. Lain-lain

- 4.1 Terma dan syarat tempahan khas ini tertakluk kepada perubahan tanpa notis awal.
  - 4.2 Tiket yang telah dibeli melalui tempahan khas tertakluk kepada:
    - a) Syarat-syarat Pengangkutan Untuk Penumpang KTMB.
    - b) Terma dan Syarat Tiket ETS, KTM Intercity dan Shuttle Tebrau
  - 4.3 Hubungi Unit Khidmat Pelanggan di 03-97791200 atau emel ke [callcenter@ktmb.com.my](mailto:callcenter@ktmb.com.my) untuk maklumat lanjut:
    - a) Pendaftaran KITS
    - b) KTM Wallet
    - c) Pendaftaran konsesi
    - d) Jadual waktu tren, tambang tiket atau kekosongan tempat duduk
-

BORANG TEMPAHAN KHAS											
1.	Tarikh Permohonan										
2.	Nama Pemohon*										
3.	Emel*										
4.	No. Tel *										
5.	No. PNR/IC*										
6.	KTM Wallet (RM)*										
7.	Tarikh Perjalanan										
8.	Origin & Destinasi										
9.	Jumlah tiket										
10.	No.Tren*										
11.	Jenis Koc / Kelas*										
KEGUNAAN PEJABAT KTMB											
1.	Nama Kakitangan										
2.	Tarikh Borang Diterima										
3.	Kaedah Permohonan	Emel		Serahan Tangan							
4.	Tarikh PNR active & inactive										
5.	ID Tempahan Tiket										
6.	Tarikh Tamat Tempahan										
<p><b>Nota:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Pemohon perlu mendaftar KITS online dan memahami terma dan syarat sebelum membuat tempahan khas</li> <li>b) Nama pemohon, emel, no.tel, no.PNR/IC dan jumlah KTM Wallet merujuk akaun KITS pemohon.</li> <li>c) Pastikan jumlah KTM Wallet mencukupi untuk bayaran caj tempahan (RM1 per tiket)</li> <li>d) Borang permohonan perlu dihantar melalui emel <a href="mailto:tempahankhas@ktmb.com.my">tempahankhas@ktmb.com.my</a> atau serahan ke Jabatan Perkhidmatan Antarabandar, KL Sentral sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tarikh perjalanan.</li> <li>e) Sediakan borang berasingan untuk tarikh perjalanan atau sesen origin dan destinasi yang berbeza</li> <li>f) Jumlah tempahan minima 9 tiket dan maksima 80 tiket per tren (tertakluk kepada kekosongan).</li> <li>g) Jika permohonan diluluskan, sila kemaskini butiran tempahan melalui KITS online di laman sesawang KTMB.</li> <li>h) Pastikan jumlah dan jenis tiket (dewasa/ kanak-kanak/ konsesi) adalah betul.</li> <li>i) KTMB berhak menolak permohonan yang tidak mematuhi terma dan syarat atau apa-apa sebab lain tanpa notis awal.</li> <li>j) Tidak dibenarkan menjual semula tiket secara individu dalam mana-mana medium pasaran. (tindakan undang-undang akan diambil tertakluk Akta 715, Akta Pengangkutan Awam Darat 2010)</li> <li>k) Hubungi Unit Khidmat Pelanggan di 03-97791200 atau emel ke <a href="mailto:callcenter@ktmb.com.my">callcenter@ktmb.com.my</a> untuk maklumat lanjut perkhidmatan tren dan jadual perjalanan.</li> </ul>											